



SIARAN MEDIA

UDA MEMPERKENALKAN PEMBANGUNAN WAKAF SEETEE AISAH 2 PULAU PINANG UNTUK MANFAAT RAKYAT BERPENDAPATAN SEDERHANA

Seberang Perai Tengah, 21 September 2019 - UDA Holdings Berhad (UDA), salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), bakal memperkenalkan projek pembangunan hartanah di atas tanah wakaf menerusi anak syarikatnya UDA Land North Sdn Bhd (UDA Land North) dengan usaha sama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di sini, hari ini.

Projek diberi nama Wakaf Seetee Aisah 2 itu bakal dibangunkan di atas lot-lot 3117, 200 dan 252, Mukim 4, Bandar Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Lot tersebut terletak di Wakaf Seetee Aisah iaitu projek pembangunan tanah wakaf pertama oleh UDA.

Menerusi pembangunan Wakaf Seetee Aisah 2, UDA dapat menambah nilai pada tanah wakaf dan MAINPP juga berpeluang menjana hasil positif bagi memanfaatkan sepenuhnya perkembangan wakaf dan ekonomi umat Islam. Menerusi projek ini, MAINPP bakal menerima hartanah dengan anggaran nilai RM24 juta yang merangkumi 12 unit kondominium, 9 unit lot kedai, 150 unit kediaman asnaf, 1 unit pejabat 7 tingkat, surau dan dewan serbaguna.

Projek yang berkeluasan 7.32 ekar itu adalah pembangunan bercampur merangkumi kediaman iaitu Taman Wakaf Seetee Aisah 2 dan komersial 'Pusat Perniagaan Wakaf Seetee Aisah 2'. Harga yang ditawarkan bermula RM350,000 ke atas dan 30 peratus lebih rendah berbanding harga hartanah semasa. Berdekatan dengan Lebuhraya Utara-Selatan, Jambatan Pulau Pinang, Jalan Lingkaran Luar Butterworth, terminal feri Butterworth, pusat pentadbiran, pusat perindustrian Seberang Perai, pelbagai kemudahan infrastruktur seperti hospital, sekolah, institusi pengajian tinggi, pusat beli-belah serta pelbagai hotel terkemuka dijangka memberi nilai tambah pada hartanah tersebut.

Pembangunan dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) berjumlah RM210 juta itu akan dibina pada suku ketiga (Q3) tahun 2020 dan dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat (Q4) 2023. Pembinaan dibahagikan kepada 3 fasa, Fasa 1 –150 unit kediaman asnaf, Fasa 2 - 422 unit kondominium dan Fasa 3 – 35 unit lot kedai (strata) 4 tingkat, 1 blok bangunan pejabat 7 tingkat, surau serta dewan serbaguna. Lot Tanah Wakaf Seetee Aisah 2 berstatus tanah wakaf. Oleh itu, ia berkonsepkan sewa

pajak dengan MAINPP selama 99 tahun dan hanya dibuka kepada yang beragama Islam sahaja.

Dalam majlis yang sama, satu Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) Bagi Pembiayaan Akhir Projek Tanah Wakaf UDA turut diadakan antara UDA dan Bank Muamalat Malaysia Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional Berhad. Memandangkan konsep pembiayaan akhir yang terhad ketika penjualan unit kediaman Taman Wakaf Seetee Aisah, inisiatif ini adalah langkah proaktif dalam menyediakan pembiayaan akhir bagi kemudahan pembelian hartanah wakaf.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my atau laman Facebook www.facebook.com/UDAHoldings. Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Nor Hanisah Kamaruzaman** | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264
- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com | +6012 291 5427

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855

LAMPIRAN

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah, pengurusan aset dan fasiliti, dan hospitaliti yang mampan dan berdaya saing di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan aset dan pengurusan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

MENGENAI PROJEK-PROJEK WAKAF TERDAHULU

Pembangunan Wakaf Seetee Aisah 2 adalah rentetan kejayaan pembangunan Wakaf Seetee Aisah yang telah dibangunkan di atas lot tanah yang sama. Projek yang telah siap sepenuhnya pada 10 Oktober 2012 dengan keluasan 9.27 ekar turut dibangunkan oleh UDA Land North. Modul pembangunannya juga telah menjadi garis panduan bagi pembangunan tanah wakaf seluruh Malaysia.

UDA Land North dan MAINPP turut menjalankan usaha sama dalam membangunkan Wakaf Mohamed Hashim. Pembangunan dengan keluasan 1.14 ekar itu mengetengahkan 68 unit pangsapuri kos sederhana. Dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM15.34 juta, pembangunan yang terletak di Seberang Perai Tengah itu telah siap sepenuhnya pada suku keempat 2017. Wakaf Mohamed Hashim adalah pembangunan tanah wakaf pertama yang menerima strata di Malaysia.

Selain Wakaf Seetee Aisah, UDA menerusi UDA Waqf turut membangunkan satu lagi projek tanah wakaf di utara tanah air iaitu pembangunan bercampur - Taman Sultan Sallehuddin. Projek yang dibangunkan di atas lot Tanah Wakaf Telok Chengai itu adalah hasil usaha sama UDA Waqf Sdn Bhd (salah satu anak syarikat Kumpulan UDA) dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Projek berkeluasan 27.23 ekar tersebut bakal menyediakan 286 unit hartanah (kediaman dan komersial) dengan GDV berjumlah RM106.80 juta.